

**PERATURAN PERMOHONAN MEMBAWA BARANG-BARANG BAHAYA
MELALUI UDARA BAGI AGEN-AGEN PENGENDALIAN.**

1. Setiap permohonan hendaklah menggunakan borang terkini (diisi di dalam **dua salinan**) dan akan **diproses dalam tempoh 3 hari (waktu bekerja)**.
2. Setiap borang permohonan hendaklah diisi dengan **lengkap, kemas, bertaip** dan mempunyai **tandatangan serta cop rasmi** Syarikat/Jabatan/Agensi.
3. Sila pastikan alamat pemohon ditaip di ruang **hadapan borang permohonan**.
4. **Salinan** dokumen-dokumen berikut (**salinan hendaklah jelas dan terang**) yang berkaitan dengan sesuatu permohonan hendaklah disertakan bersama:-

BAHAN RADIOAKTIF

- i. Permit Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (LPTA)
- ii. Shipper's Declaration for Dangerous Goods

BAHAN LETUPAN

- i. Permit Polis (Berjual Beli/Import dan Eksport)
- ii. Shipper's Declaration for Dangerous Goods

SENJATA API

- i. Permit Polis (Berjual Beli/Import dan Eksport)

5. Sekiranya individu/syarikat/jabatan yang memohon untuk membawa masuk/keluar/transit sebagai agen dari syarikat penerima kargo maka **surat akuan kebenaran** dari individu/syarikat/jabatan penerima kargo mestilah disertakan bersama.
6. Barang-barang ini mestilah dikeluarkan secepat mungkin atau dalam **masa 24 jam daripada masa ketibaan/pendaratannya**.
7. Adalah menjadi **tanggungjawab pemohon** untuk **memaklumkan** kepada Jabatan Penerbangan Awam berhubung sebarang **perubahan butiran** yang telah dinyatakan terhadap permohonan yang telah diluluskan.
8. Sebarang **pindaan terhadap tarikh penerbangan** hendaklah **dibuat tidak lebih 7 hari dari atau sebelum tarikh penerbangan asal** yang telah diluluskan dan disertakan dengan surat rasmi dari individu/syarikat/jabatan yang berkenaan.
9. Setiap permohonan individu/syarikat/jabatan yang membawa barang-barang bahaya melalui udara adalah **tertakluk kepada peraturan/undang-undang** yang terpakai didalam negara ini
11. Pemohon yang membawa/mengimport/mengeksport senjata api dan peluru **bagi pihak Jabatan Kerajaan** seperti Polis dan Tentera dengan menggunakan **'End User Certificate'** perlu mendapatkan permit untuk membawa/mengimport/mengeksport dari pihak PDRM (surat PDRM KPN(PR)61/6/2/3 bertarikh 7 November 2007).
12. **Tarikh shipper's declaration** yang ditandatangani mestilah **tidak melebihi dari satu (1) bulan** dari tarikh penerbangan. Bagi **shipper's declaration yang ditandatangani di Malaysia**, salinan sijil kursus DGR perlu disertakan bersama borang permohonan.

Nota :-

Borang permohonan ini **MESTILAH** mengandungi muka hadapan dan belakang di dalam sehelai kertas (Both sides of a single paper)